

Headline	Seks bebas punca utama HIV AIDS		
MediaTitle	Kosmo		
Date	23 Feb 2015	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	218,251
Page No	5	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	390 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,000
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,000



Seks bebas punca utama HIV/AIDS

Trend penularan penyakit berubah daripada suntikan jarum kepada hubungan seks

KUALA LUMPUR - Majlis AIDS Malaysia (MAC) melahirkan kebimbangan dengan trend penularan penyakit HIV dan AIDS di negara ini apabila hubungan seks menjadi penyumbang utama kepada penyebaran penyakit tersebut pada masa ini.

Pengarah Eksekutif MAC, Roswati Ghani (**gambar kecil**) berkata, senario penyebaran HIV dan AIDS kini berubah daripada penggunaan jarum suntikan untuk pengambilan dadah kepada hubungan seks bebas.

Katanya, berdasarkan statistik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) jika pada tahun 2006 sebanyak 31 peratus pesakit HIV dan AIDS dijangkiti penyakit itu mela-

lui hubungan seksual, namun angka tersebut meningkat mendadak sehingga 74 peratus pada tahun 2013.

“Saya risau kerana saban tahun, semakin ramai orang terdedah dengan aktiviti kurang sihat serta terlibat dengan gejala sosial antaranya, seks bebas,” katanya ketika ditemui selepas merasmikan Kempen Kesedaran Awam terhadap AIDS dan HIV di Pusat Pameran Viva di sini semalam.

Kempen tersebut dianjurkan Persatuan Kesejahteraan Rakyat Malaysia dengan kerjasama MAC.

Tambahnya, gejala seks bebas kini merupakan faktor utama kepada penularan kes HIV dan AIDS,

malah lebih menakutkan kebanyakan daripada mereka yang terlibat adalah dalam kalangan belia.

“Secara keseluruhannya, jumlah individu yang dijangkiti HIV dan AIDS setiap tahun bagaimanapun menurun iaitu bagi tempoh 2006 hingga 2013 sebanyak 3,393 pesakit, berbanding pada tahun 2002 sahaja terdapat 6,978 kes.

“Tetapi kini, apa yang kita risau adalah jumlah pesakit melibatkan golongan belia kerana statistik 2013 menunjukkan peningkatan pesakit berusia 20 hingga 29 adalah sebanyak 74 peratus.

“Saya percaya peningkatan pesakit dalam kalangan belia ini disebabkan oleh

transmisi hubungan seks bebas dan masalah sosial melanda negara,” katanya.

Jelas Roswati lagi, trend penularan HIV dan AIDS turut menyebabkan bertambahnya bilangan pesakit dalam kalangan kaum wanita.

“Kalau dahulu pada tahun 1990, dalam kalangan 100 orang pesakit HIV dan AIDS terdapat 99 orang lelaki dan hanya seorang wanita atau lebih tepat lagi hanya satu peratus pesakit kaum Hawa.

“Namun, pada tahun 2013, transmisi seks menyebabkan dalam kalangan lima pesakit nisbahnya adalah empat lelaki dan satu wanita. Kalau ikut peratusan ia peningkatan kepada 20 peratus,” katanya lagi.

Menurut statistik KKM, jumlah keseluruhan kes HIV dari tahun 1986 hingga 2013 ialah sebanyak 101,672 pesakit.

INFO Kes HIV dan AIDS

Jumlah keseluruhan kes HIV dari tahun 1986-2013 - 101,672 pesakit

Trend penularan penyakit HIV dan AIDS

Tahun	Melalui jarum	Hubungan seks	Lain-lain
2013	22 peratus	74 peratus	4 peratus
2006	53 peratus	31 peratus	16 peratus

*Lain-lain cara jangkitan adalah melalui darah dan susu ibu

Senario HIV mengikut faktor risiko Malaysia

Trend faktor risiko jangkitan HIV telah berubah daripada jangkitan melalui penagihan dadah secara suntikan kepada transmisi seks

Kes HIV melibatkan golongan belia

Umur antara 20-29 tahun - 74 peratus

Situasi HIV mengikut gender

Nisbah kes HIV mula meningkat dalam kalangan wanita

- 2013 - 1:4 (5 kes - 1 wanita, 4 lelaki)
- 1990 - 1:99 (100 kes - 1 wanita, 99 lelaki)

Jumlah kes tahunan bagaimanapun menunjukkan penurunan

- 2002 - 6,978
- 2006-2013 - 3,393

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia



Headline	Seks bebas punca utama HIV AIDS		
MediaTitle	Kosmo		
Date	23 Feb 2015	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	218,251
Page No	5	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	390 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,000
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,000



HUBUNGAN seks bebas dan kegiatan pelacuran kini menjadi penyumbang utama kepada penyebaran penyakit HIV dan AIDS hari ini. – Gambar hiasan.